3755/1
Perdagangan
Kertas 1
September 2009
1 ¼ jam

# PEJABAT PELAJARAN DAERAH GOMBAK

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
## PERDAGANGAN

**Kertas 1**

**Satu jam 15 minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tandakan jawapan anda dalam kertas jawapan objektif anda.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b a n

1. Rajah 1 mempunyai perkaitan dengan manusia.



Rajah 1

Perkara-perkara di atas berkaitan dengan
A kehendak manusia
B kehendak asas manusia
C keperluan asas manusia
D keperluan mutlak manusia

2. Rajah 2 berkaitan dengan pengkhususan.




Rajah 2

Sebab utama pengkhususan seperti di atas wujud ialah
A kedudukan geografi yang berbeza
B tingkat teknologi yang tidak sama
C iklim yang berbeza antara kedua-dua negara
D pembahagian kerja yang boleh dilakukan antara kedua-dua negara



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b

3. Antara berikut, pekerjaan manakah berkaitan dengan perdagangan?

I Pemandu lori kerentan
II Penjaja pasar malam
III Pegawai Pertanian
IV Juruteknik kilang

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

4.




Rajah 3

Apakah jawapan untuk soalan yang ditujukan kepada pelajar tersebut di rajah 3?

A Hanya menjual satu jenis barang atau segolongan barang yang sama jenis.
B Hanya menjual sekumpulan barang yang tidak sama jenis
C Hanya menjual barang yang sama jenis.
D Hanya menjual perkahidmatan sahaja.

5.

| |
|---|
| Ditubuhkan sebagai syarikat berhad<br>Mempunyai banyak cawangan.<br>Semua cawangan mempunyai nama yang sama dan menjual barang yang sama. |

Apakah jenis pernjagaau runcit tersebut?

A Kedai am
B Pasar raya
C Kedai khusus
D Kedai sejaras



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b

6. Kedai Elektrik Abdullah telah menerima sebut harga daripada seorang Pemborong. Antara maklumat yang terkandung di dalamnya adalah seperti berikut:

| |
|---|
| * Pembersih hampagas Megatop berharga RM 1 800 |
| * Diskaun niaga 15% |
| * Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari |

Pengurus kedai itu telah mengambil keputusan untuk membeli 2 pembersih hampagas dan menjelaskan bayarannya lima hari kemudian. Berapakah yang perlu dibayarnya?

A RM 1 377
B RM 2 754
C RM 3 060
D RM 3 240

7. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah jualan kepada peniaga?

I Saiz pasaran
II Sasaran pengguna
III Keperluan aliran tunai
IV Jumlah keuntungan yang diperolehi

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

8. Penyataan di bawah berkaitan dokumen perniagaan antarabangsa.

> Dokumen ini merupakan jaminan yang dibuat oleh bank pengimport untuk membayar semua hutang yang dikemukakan oleh pengeksport.

Apakah dokumen tersebut ?

A Kredit berdokumen
B Nota konsainan
C Janji carter
D Inden



Dapatkan skema Jawapan di Laman
w w w . b a n k s

9. Apakah kesan kepada pengeluar jika perniagaan antarabangsa tidak wujud?
A Kos pengeluaran rendah
B Ekonomi negara terjejas
C Pilihan pengguna terbatas
D Sumber bahan mentah terhad

10. Soalan 10 berdasarkan maklumat di bawah

- Dokumen yang dikeluarkan oleh negara pengimport
- Bertindak sebagai surat kelulusan untuk pengeksport membawa masuk barang ke negaranya

Dokumen tersebut ialah......
A Sijil asal usul
B Nota perkapalan
C Invois konsular
D Borang perakuan kastam

11. Yang manakah merupakan ciri-ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?
I Teknologi pengeluaran rendah
II Bergiat di hampir semua kawasan
III Mengamalkan pengkhususan kerja
IV Pekerja hanya bertugas sebagai pengawal mesin
A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

12. Soalan 12 berkaitan dengan pernyataan di bawah

Program ini membantu meningkatkan kemahiran pekerja IKS melalui latihan, seminar, bimbingan kerja dan bengkel latihan kemahiran.

Antara berikut,agensi yang manakah terlibat dalam program tersebut?

I Majlis Amanah Rakyat (MARA)
II Perbadanan Daya Pengeluaran Negara (PDPN)
III Bank Kerjasama Rakyat Malaysia(Bank Rakyat)
IV Institut Piawaian dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM)
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b a n

13. Papan tanda yang manakah menunjukkan perniagaan milikan tunggal?

A SYARIKAT ALIAS DAN RAKAN

B BANK TIMUR SDN BHD

C KLINIK GIGI EFFAH

D DUNLOP ESTATES BERHAD

14 Berikut adalah maklumat pemilikan perkongsian.

| |
|---|
| Ali telah melabur RM 350 000 dan Alias pula melaburkan RM 500 000 dalam perkongsian mereka. Mereka tidak membuat apa-apa perjanjian perkongsian sama ada kerugian atau keuntungan. |

Sekiranya keuntungannya yang diperolehi adalah RM 11 000, berapakah jumlah yang sepatutnya diterima oleh Ali?

A RM 11 000
B RM 5 500
C RM 5 000
D RM 3 500

15. Mengapakah Bank koperasi berbeza daripada bank perdagangan?
A Tidak membiayai projek ekonomi
B Mengendalikan urusan pindahan kredit
C Tidak menyediakan akaun simpanan semasa
D Memperoleh modal daripada penjualan syer

16. Walaupun orang ramai mempunyai akaun simpanan di bank, tetapi hanya pelanggan tertentu dibenarkan untuk membuat overdraf. Siapakah pelanggan tersebut?
A Pelanggan kad kredit
B Pemegang akaun tetap
C Pemegang akaun semasa
D Pemegang akaun simpanan biasa

17. Antara berikut,yang manakah merupakan perkhidmatan syarikat pajakan ?
A Membiayai pembelian mesin yang mahal
B Menawarkan mesin atau jentera yang boleh disewa.
C Mengambil alih tugas mengutip hutang daripada pelanggan.
D Memberi kredit dengan membeli invois dengan harga diskaun.



Dapatkan skema Jawapan di Laman

W W W

18. Dialog di bawah ini berlaku antara En Lim, seorang pesara dengan isterinya.

| | |
|---|---|
| En Lim | : Kita mesti menyimpan wang pencen ini dengan selamat. |
| Isteri | : Lebih baik kamu memilih akaun simpanan tetap. |

I Kadar faedah lebih tinggi
II Membayar menggunakan cek
III Tidak perlu menanggung risiko
IV Menggunakan perkhidmatan kad juruwang

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

19. Bilakah seseorang pelabur dalam saham dikatakan menerima pendapatan semasa?
A Nilai pelaburannya meningkat
B Memperoleh pinjaman atas pelaburannya
C Menjual saham tersebut kepada pihak ketiga
D Menerima dividen dan bonus atas pelaburannya

20. Berdasarkan pernyataan di bawah.

| |
|---|
| Cik Aisyah baru memenangi hadiah Kuiz Billioner berjumlah RM 10 000.00 |

Apakah jenis pelaburan yang selamat/ risiko rendah untuk beliau?

I Saham
II Mata Wang
III Unit Amanah
IV Simpanan Tetap

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

21. Dokumen perjanjian sementara antara insurer dengan insured selepas premium dibayar disebut sebagai
A Nota lindungan
B Resit insurans
C Polisi insurans
D Laporan perlindungan



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b a

22. Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu prinsip insurans.

*Ganti rugi hanya dibayar apabila kerugian adalah berpunca secara langsung daripada risiko yang diinsuranskan*

Antara prinsip berikut, yang manakah menjelaskan pernyataan tersebut?

A Subrogasi
B Penuh Percaya Mutlak
C Doktrin Sebab Hampiran
D Kepentingan Boleh Insurans

23. Apakah peranan insured kepada insuruer?

A Memberi ganjaran
B Membayar premium
C Membayar pampasan
D Memberi perlindungan

24. Apakah yang dimaksudkan dengan serahan pintu ke pintu?

A Pemborong mengambil barang dari pintu kilang
B Barang dipindah dari pintu gerabak A ke pintu gerabak B
C Memunggah barang dari pintu kapal terbang ke pintu kilang
D Memunggut barang dari premis penjual ke pintu premis pembeli

25 Rajah yang berikut menunjukkan ciri-ciri sejenis pengangkutan laut.




Apakah jenis pengangkutan laut tersebut?

A Kapal kargo
B Kapal kerentan
C Kapal penumpang
D Kapal pesisir pantai



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b a n

30 Apakah peranan komunikasi dalam perniagaan?

A Membolehkan peniaga menghantar barangan secara pukal kepada pelanggan
B Memudahkan aktiviti membuat promosi untuk produk yang dikeluarkan
C Mengurangkan risiko kerosakan barang
D Menstabilkan harga barang

31. Pernyataan di bawah merujuk kepada peranan pergudangan.

> Padi yang berlebihan disimpan di dalam gudang dan diedarkan ke pasaran apabila wujud permintaan

A Mengelakkan kerosakan dan pembaziran barang
B Membolehkan aktiviti pecah pukal dilakukan
C Membantu menstabilkan harga barang
D Menjamin keselamatan barang

32. Apakah kepentingan gudang berbon?

A Menyimpan barang-barang niaga secara pukal
B Meningkatkan perkembangan ekonomi negara
C Menangguhkan pembayaran cukai barang import
D Membolehkan penjualan barang secara besar-besaran

33. Cogan kata yang manakah merujuk kepada pujukan rasional?

A Bersama-sama membantu mangsa banjir
B Minuman Juwita diperkaya dengan vitamin C
C Pakailah topi keledar, ingatlah orang yang tersayang
D Gunalah ubat gigi Suri untuk gigi yang lebih bersih dan senyuman yang menawan

34. Antara agensi-agensi berikut, manakah yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan?

I RISDA
II MARDI
III MPOB
IV RRIM

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w .

35.




Berdasarkan rajah di atas , pilih unsur-unsur yang menepati strategi campuran pemasaran.

A R , S , T dan U
B P , Q , R dan S
C Q, R , S dan T
D Q, R , S dan U

Soalan 36 berdasarkan maklumat yang berikut.




36. Agensi kerajaan manakah yang menjalankan tugas-tugas seperti yang tersenarai di atas?

A Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
B Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
C Perbadanan Kemajuan Perlancongan Malaysia
D Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia

37. Kerajaan memberikan pelbagai insentif pelepasan cukai untuk memajukan perniagaan. Antara berikut manakah kesan insentif tersebut?

I Peluang pekerjaan telah meningkat
II Taraf hidup rakyat tempatan meningkat
III Nilai eksport barangan perkilangan telah meningkat
IV Negara tidak lagi bergantung kepada teknologi dalam negara

A I , II dan III
B I , II dan IV
C I, III dan IV
D II , III dan IV



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w . b a n k s o a l a

Soalan 38 berdasarkan maklumat yang berikut.

| |
|---|
| Akta Kawalan Harga 1946 mewajibkan barang-barang diletakkan tanda harga |

38. Apakah hak pengguna tentang perkara di atas?
    - A Hak untuk mendapat pendidikan kepenggunaan
    - B Hak untuk mendapat keselamatan
    - C Hak untuk mendapat perwakilan
    - D Hak untuk mendapat maklumat

39. Mengapakah pengguna perlu dilindungi?
    - I Aktiviti pengiklanan yang mengelirukan
    - II Terlalu banyak pilihan barang di pasaran
    - III Penggunaan bahan kimia yang berlebihan
    - IV Pembuangan sisa industri secara berleluasa

    - A I, II dan III
    - B I, II dan IV
    - C I, III dan IV
    - D II, III dan IV

40. Berikut adalah ciri-ciri sebuah akta perdagangan.

    - Maklumat pengeluar
    - Maklumat kandungan
    - Tarikh dikilangkan
    - Tarikh luput

    Antara yang berikut manakah akta yang berkaitan dengan ciri-ciri di atas?

    - A Akta Timbangan dan Sukat 1972
    - B Akta Perihal Dagangan 1972
    - C Akta Kawalan Harga 1946
    - D Akta Kawalan Belian 1961



Dapatkan skema Jawapan di Laman

w w w .